

Tenaga Buruh dan Upah dalam Islam: Satu Pandangan Alternatif

MANSOR JUSOH
NOR GHANI MD. NOR

ABSTRAK

Buruh adalah satu sumber milik manusia. Berdasarkan konsep ini, buruh boleh dianggap faktor pengeluaran tanpa memberi implikasi bahawa pekerja yang menyumbang tenaga buruhnya dalam proses pengeluaran adalah hamba kepada manusia lain. Masalah lebih penduduk dan lebih buruh boleh wujud di negara yang mengalami pertumbuhan pesat penduduk. Hakikat bahawa Allah S.W.T. yang menentukan rezeki tidak bererti negara yang mengamalkan sistem ekonomi Islam bebas daripada masalah tersebut. Prinsip penentuan upah supaya upah setimpal dengan bidang kerja dan kualiti buruh tidak mempunyai sokongan kuat dalam Islam. Sebaliknya, Islam mengutamakan prinsip musyawarah yang boleh difahamkan sebagai proses tawar-menawar dalam pasaran buruh. Prinsip bahawa upah perlu memenuhi keperluan asas pekerja adalah konsisten dan boleh dilaksanakan secara berintegrasi dalam sistem pasaran buruh. Bagaimanapun, pelaksanaan prinsip ini mungkin berbeza daripada yang diamalkan oleh negara kapitalis.

ABSTRACT

Labour is but one of the many resources owned by a human being. The concept allows labour to be considered as an input in production process without necessarily implying that labourers are slave to another human being. Overpopulation and surplus labour can be a problem in any country with rapid population growth. The fact that Allah S.W.T is the all provider of sustenance does not necessarily mean that a country embracing the Islamic economic system is free from the problems. The claim that wages should be paid according to work and quality of labour has not found strong support in Islam. On the contrary Islam prefers wages to be determined through "musyawarah" which can be interpreted as a bargaining process between employer and employee in the labour market. Another Islamic principle that wages should at least satisfy the basic living requirements is not inconsistent with a market system and thus can be implemented. However, its implementation in an Islamic economy may be expected to differ from that practiced in a capitalist economy.

PENDAHULUAN

Buruh adalah keupayaan fizikal dan mental yang manusia sumbangkan kepada proses pengeluaran. Tenaga buruh adalah satu komponen sumber manusia yang menjadi input dalam mengeluarkan barang dan perkhidmatan. Sebagai ganjaran kepada sumbangan itu, buruh dibayar upah yang boleh berbentuk wang, barang-barang atau sebagainya. Bagi majoriti penduduk terutama golongan miskin, upah adalah sumber utama pendapatan mereka dan bagi negara membangun termasuk negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, pendapatan upah adalah komponen terbesar sumber pendapatan penduduk negara itu.

Penentuan kuantiti dan kualiti buruh serta kadar upah di sesebuah negara bukan sahaja dipengaruhi oleh sistem ekonomi yang dipilih tetapi juga oleh sistem nilai yang wujud dalam masyarakat serta pengalaman sejarah yang dilalui oleh negara tersebut. Kebanyakan negara kini cenderung untuk mengiktiraf dan bergantung kepada institusi pasaran bagi mengatur penggunaan buruh dan kaedah pemberian ganjaran. Namun, sistem nilai masyarakat dan pengalaman sejarah masing-masing telah membezakan bentuk dan struktur pasar buruh di negara-negara tersebut.

Surtahman Kastin dan Abd. Ghafar (2001), selepas ini dirujuk SKAG, mengupas konsep buruh dan persoalan penentuan upah mengikut pandangan Islam. Menurut SKAG, kita tidak harus sepenuhnya merujuk kepada konsep ilmu ekonomi konvensional apabila menganalisis isu buruh dan penentuan upah. Sehubungan itu, SKAG mendakwa bahawa mengkategorikan buruh sebagai input pengeluaran mungkin bercanggah dengan konsep manusia sebagai khalifah Allah. SKAG juga mempersoalkan kewujudan masalah lebih penduduk dan lebih buruh yang bagi mereka, kedua-dua konsep ini dianggap sama. Mengikut pandangan SKAG, oleh sebab setiap manusia diberi dan ditetapkan rezekinya maka masalah lebih penduduk dan lebih buruh tidak mungkin timbul di sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi Islam. Konsep ini didapati berbeza daripada konsep yang lazim dipakai dalam analisis ilmu ekonomi konvensional.

Isu yang lebih penting yang dibincangkan oleh SKAG adalah berkenaan prinsip penentuan upah. Menurut mereka, Islam menghendaki supaya upah dibayar setimpal dengan bidang kerja dan berasaskan kualiti buruh serta perlu melebihi keperluan bagi menampung perbelanjaan kehidupan diri dan ahli keluarga.

Rencana ini membincangkan secara kritis pandangan dan kesimpulan yang diutarakan oleh SKAG. Isu yang dibangkitkan akan diteliti semula dengan memeriksa hujah-hujah yang disertakan serta dengan menggunakan konsep ilmu ekonomi konvensional selagi didapati sesuai dan tidak bercanggah dengan Islam. Justeru rencana ini secara tak langsung mengambil pendirian bahawa walaupun sistem-sistem ekonomi mungkin berbeza-beza namun konsep dan kaedah analisis ilmu ekonomi konvensional, sebahagiannya masih boleh

digunakan untuk menganalisis perjalanan dan implikasi daripada sistem-sistem ekonomi tersebut, termasuk sistem ekonomi Islam.

KONSEP BURUH

Dalam pengertian biasa, buruh merujuk kepada orang yang bekerja yang lazimnya dibayar gaji atau upah. Konsep buruh dalam ekonomi berbeza dengan pengertian biasa itu. Buruh adalah tenaga atau keupayaan fizikal dan mental manusia yang boleh menyumbang kepada proses pengeluaran. Buruh adalah satu sumber produktif milik manusia. Pada dirinya, manusia memiliki sumber yang boleh digunakan sebagai input dalam proses pengeluaran – dikenali sebagai buruh – dan untuk mengatur dan menjalankan proses pengeluaran – dikenali sebagai usahawan. Justeru, dalam istilah ilmu ekonomi, buruh hanyalah sebahagian sumber yang dimiliki oleh manusia; apabila digunakan dalam proses pengeluaran buruh adalah input atau faktor pengeluaran.

SKAG mempersoalkan konsep buruh ilmu ekonomi konvensional itu. Mengikut mereka, konsep itu tidak sesuai dipakai untuk menganalisis isu buruh dan upah mengikut Islam. Alasan mereka adalah “ekonomi Islam adalah berlandaskan doktrin dan akidah yang kukuh berbeza daripada konsep ekonomi konvensional yang berpandukan akal semata-mata, sehingga itu, segala persoalan yang berkait dengan buruh dan manusia tidak semestinya dirujuk kepada konsep mereka, sebaliknya dengan cara tersendiri...” (SKAG 2001: 1). Seterusnya mereka berhujah bahawa manusia tidak harus dianggap sebagai faktor pengeluaran kerana Islam tidak mungkin “merendahkan taraf manusia Islam sebagai khalifah kepada alat (atau faktor) pengeluaran.” (SKAG 2001: 5).

Konsep buruh dalam SKAG ternyata berbeza dengan yang lazim dipakai dalam analisis ekonomi. Bagi SKAG, buruh adalah manusia atau pekerja. Takrif buruh di sini adalah sama sebagaimana pengertian biasa. Walhal buruh dalam ilmu ekonomi konvensional merujuk kepada harta yang dimiliki manusia atau pekerja. Apabila seseorang menjual tenaga buruhnya untuk mendapat upah, beliau tidak semestinya menjual dirinya, tetapi hanya harta miliknya. Justeru itu, apabila dikatakan bahawa buruh adalah input atau faktor pengeluaran, maka apa yang dimaksudkan adalah bahagian harta yang digunakan dalam proses pengeluaran. Dalam perkataan lain, ilmu ekonomi konvensional tidak sekali-kali menganggap manusia itu adalah satu faktor pengeluaran. Kenyataan ini hanyalah dakwaan yang timbul kerana kekeliruan tentang konsep buruh yang digunakan.

Dalam mengemukakan pandangan, SKAG mungkin terpengaruh dengan tulisan Abu Sulaiman (1960). Menurut Abu Sulaiman, buruh bukan faktor pengeluaran kerana buruh dicipta untuk memanfaatkan faktor pengeluaran. Dengan meletakkan buruh sebagai faktor pengeluaran manusia akan tunduk kepada manusia lain (SKAG 2001: 5). Abu Sulaiman juga menganggap buruh dan manusia adalah sama. Baqir-al-Sadr (1968) juga mempersoalkan buruh

sebagai faktor pengeluaran tetapi dengan alasan bahawa buruh bukanlah harta yang boleh dimiliki (lihat SKAG 2001: 4).

Konsep buruh adalah manusia boleh menimbulkan beberapa masalah dan punca kekeliruan apabila digunakan dalam analisis ekonomi. Pertama, kita tidak dapat membezakan antara manusia, sumber manusia dan buruh. Dalam analisis ekonomi perbezaan ini seringkali amat perlu dan kritikal. Sebagai contoh dalam menganalisis firma pemilik-pengusaha atau pekerjaan sendiri, kita perlu membezakan usahawan dan buruh walhal ia adalah orang yang sama. Satu contoh lain adalah apabila perlu dibezakan jenis pendapatan; manusia boleh menerima pendapatan buruh dan pendapatan bukan buruh sedangkan pendapatan buruh, atau upah, adalah khusus bagi pembekal tenaga buruh. Keperluan sebegini semestinya juga wujud dalam menganalisis sistem ekonomi Islam yang boleh diperhatikan dalam perbincangan seterusnya.

Kedua, dengan menganggap buruh dan manusia adalah sama maka isu hak milik terhadap buruh menjadi kabur. Misalnya, apabila seorang manusia bekerja iaitu menjual tenaga buruh kepada firma maka akan timbul isu apakah beliau juga menjual hak milik terhadap dirinya. Berdasarkan tanggapan ini, konsep pekerjaan yang dibayar upah hampir menyamai konsep perhambaan. Justeru, tidak menghairankan jika timbul kekeliruan bahawa dengan menganggap buruh adalah faktor pengeluaran maka ini bererti manusia tunduk kepada manusia lain (Abu Sulaiman 1960) dan bahawa buruh (atau manusia) adalah harta yang tidak boleh dimiliki (Baqir-al-Sadr 1968).

Sementara itu, konsep buruh sebagai sebahagian harta milik manusia adalah tidak bercanggah dengan Islam. Hakikat bahawa manusia adalah khalifah di muka bumi (lihat misalnya, Surah al-Baqarah 2: 30, 34) memang wajib diakui. Namun Islam juga membenarkan manusia bekerja untuk mendapatkan upah. Kebenaran ini terdapat dalam Al-Quran (misalnya, Surah al-Talaq 65: 6) dan al-Hadith (sila lihat perbincangan SKAG 2001: 10–11). Justeru Islam mengharuskan manusia menjual tenaga fizikal dan mentalnya iaitu buruh untuk mendapatkan upah. Berlandaskan konsep inilah majoriti penulis Islam seperti Afzal-al-Rahman (1974), Mannan (1970) dan Maududi (1969) tidak menepikan buruh sebagai faktor pengeluaran (SKAG 2001: 5).

LEBIHAN PENDUDUK DAN LEBIHAN BURUH

Negara membangun dan negara mundur sering dicirikan oleh pertumbuhan penduduk yang pesat. Bagi sesetengah negara ini, pertumbuhan penduduk tidak disertai oleh pertumbuhan ekonomi yang sewajarnya. Negara ini dikatakan berhadapan dengan masalah lebihan penduduk. Di negara ini, para penduduknya kerap dibelenggu kemiskinan, mempunyai taraf hidup yang rendah, kurang produktif serta berhadapan dengan pelbagai masalah sosial. Lebihan penduduk tidak semestinya berlaku di negara-negara yang ramai penduduk atau yang

mempunyai kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi. Ini kerana pertumbuhan penduduk juga menyumbang kepada pertumbuhan sumber-sumber produktif. Masalah lebih penduduk hanya timbul apabila pertumbuhan penduduk gagal diterjemahkan kepada peningkatan sewajarnya dalam keluaran dan pendapatan.

Lebih buruh berkaitan dengan konsep keseimbangan pasaran buruh. Lebih buruh berlaku apabila buruh yang ditawarkan ke pasaran tidak dapat diserap sepenuhnya oleh permintaan yang wujud bagi sesuatu sektor atau sesebuah ekonomi. Tanda-tanda wujudnya lebih buruh adalah wujudnya pengangguran tak ketara dan pengangguran yang berpunca daripada masalah struktur ekonomi dan kekurangan permintaan ekoran kitaran perniagaan. Teori pertumbuhan dua sektor Arthur Lewis misalnya mengaitkan lebih buruh di sektor luar bandar sehingga buruh di sektor tersebut mempunyai produktiviti sifar atau malah negatif. Masalah lebih buruh boleh berlaku di semua negara dan tidak terhad kepada negara mundur atau membangun.

SKAG mengambil pendekatan untuk tidak membincangkan lebih penduduk dan lebih buruh secara berasingan. Malah kelihatan bahawa konsep lebih penduduk dan lebih buruh itu tidak perlu dibezakan kerana pada tanggapan mereka kedua-dua boleh dijelaskan dengan konsep yang sama iaitu konsep rezeki. SKAG merumuskan:

Oleh itu, masalah lebih penduduk dan pengangguran (lebih buruh) tidak harus wujud dalam istilah ekonomi Islam (lihat A.M. Jarisyah dan M.S. Azzaiabq 1981: 60–62) kerana setiap bayi yang lahir telah ditentukan rezekinya masing-masing (SKAG 2001:5).

Berkenaan konsep rezeki, SKAG memetik maksud beberapa ayat al-Quran dan al-Hadith untuk menjelaskan bahawa setiap manusia telahpun ditetapkan rezeki masing-masing.

Sesungguhnya Allah, Dialah maha pemberi rezeki yang mempunyai kekuatan yang sangat kukuh (Surah al-Zariyat 51:58)

Dan tidak ada suatu binatang melata pun di bumi melainkan Allah yang memberi rezekinya... (Surah Hud 11:6)

Memang ayat-ayat ini menjelaskan bahawa Allahlah yang memberi rezeki. Allah juga yang menetapkan rezeki sejak seseorang itu dalam kandungan lagi (al-Hadith Bukhari 1979, IV: 346). Namun persoalan yang relevan dalam konteks perbincangan ini adalah apakah rezeki itu cukup untuk memenuhi keperluan asas dan keperluan-keperluan lain dalam kehidupan seseorang? Pada penulis, maksud ayat-ayat tadi tidak menjawab persoalan itu. Jadi hujah SKAG bahawa Islam tidak mengiktiraf wujudnya masalah lebih penduduk sebab setiap manusia diberi dan ditetapkan rezeki masing-masing adalah amat longgar dan sukar dipertahan.

Lagipun, dalam ayat-ayat yang lain dijelaskan bahawa Islam mengakui bahawa setiap orang diberi rezeki yang berbeza-beza. Maksud ayat al-Quran:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih daripada sebahagian yang lain... (Surah al-Nisa 4:32).

Dan Allah melebihkan sebahagian kamu dari sebahagian lain dalam hal rezeki... (Surah an-Nahl 16:71).

Jadi, adalah tidak mustahil sebahagian penduduk dikurnia rezeki tetapi tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas. Mereka adalah golongan fakir dan miskin dan Islam mengiktiraf kewujudan golongan ini. Bukankah sistem dan institusi zakat dalam Islam menunjukkan Islam mengiktiraf kewujudan mereka?

Menurut SKAG juga, masalah-masalah yang berkait dengan lebih buruh seperti kelaparan tidak mungkin wujud akibat kepadatan penduduk kerana peristiwa-peristiwa seperti itu merupakan balasan Allah terhadap keingkaran manusia. Mereka memetik maksud beberapa ayat al-Quran Surah al-A'raf ayat 96 dan 130 untuk menyokong hujah ini (SKAG 2001:6).

Hujah bahawa kepadatan penduduk, malah kepesatan pertambahan penduduk bukanlah syarat cukup untuk kewujudan masalah lebih penduduk memang diterima umum, baik di kalangan ahli ekonomi konvensional. Ini kerana penduduk yang ramai atau pertambahan penduduk juga merupakan tambahan sumber-sumber produktif. Teori perangkap penduduk Malthus abad ke-19 memang disangkal oleh ahli ekonomi kini kerana tidak disokong oleh bukti sejarah dan mempunyai kelemahan tidak mengambilkira perkembangan teknologi dan proses transisi demografi dalam pertumbuhan penduduk dinamik (Todaro 1997: Bab 6). Walaupun begitu, agak sukar untuk menidakkan peranan kepadatan dan pertumbuhan penduduk dalam mewujudkan masalah-masalah yang berkait dengan lebih penduduk. Penduduk yang besar dan berkembang pesat meningkatkan nisbah kebergantungan, mengenakan tekanan terhadap ekonomi dalam menyediakan kemudahan asas serta menimbulkan tekanan terhadap alam sekitar dan persekitaran sosial.

Berkenaan pengangguran (atau lebih buruh), SKAG merumuskan bahawa fenomena ini juga tidak mungkin wujud dalam ekonomi Islam. Alasan yang diberi adalah kerana Allah memberi dan telahpun menetapkan rezeki seseorang. Bagi penulis, alasan ini bukan sahaja lemah malah boleh menyempitkan konsep rezeki. Memang wajib diakui ketentuan rezeki, tetapi apakah ketentuan rezeki juga memastikan setiap orang mendapat pekerjaan (iaitu tiada pengangguran) atau dapat bekerja sepenuhnya seperti yang diinginkan (iaitu tiada pengangguran tak ketara)? Jika dilihat pada bukti sejarah dan keadaan pasaran buruh semasa dikebanyakan negara, termasuk negara dengan penduduk majoriti muslim, masalah pengangguran dan pengangguran tak ketara memang wujud sama ada di sektor tertentu atau di seluruh negara dari semasa ke semasa. Tambahan pula, rezeki telah ditetapkan oleh Allah S.W.T tanpa mengira sama ada seseorang manusia atau masyarakat itu Islam atau sebaliknya. Adakah SKAG berhujah bahawa ketentuan Allah S.W.T dalam menetapkan rezeki telah tidak terlaksana

apabila berlaku lebih buruh (pengangguran)? Tentu sekali tidak. Tambahan pula aliran pendapatan boleh berubah mengikut masa. Tidak mustahil pengangguran boleh berlaku dalam selang waktu tertentu. Perubahan pendapatan mengikut masa tidak bermakna bahawa ketentuan rezeki Allah S.W.T. tidak dipenuhi.

Dengan mengaitkan pengangguran dengan ketentuan rezeki, SKAG juga secara tak langsung menyempitkan pengertian rezeki kepada hanya yang berpunca daripada pendapatan buruh. Walhal rezeki boleh berpunca daripada pendapatan semua sumber produktif yang Allah anugerahi manusia dan daripada punca-punca lain seperti bayaran pindahan iaitu termasuk sedekah, zakat, harta warisan dan sebagainya. Berdasarkan konsep rezeki yang luas ini, seseorang itu boleh menganggur tetapi masih dikurniakan rezeki.

Lebih buruh menurut SKAG tidak berlaku sekiranya negara-negara mengamalkan semangat persaudaraan Islam. Dengan meminjam hujah Mohamad H. Hourami (1977), mereka merumuskan bahawa menerusi peruntukan semula sumber, lebih buruh di sebuah negara Islam akan bergerak secara bebas ke negara yang kaya sumber tetapi kekurangan buruh. Faktor utama wujudnya pergerakan bebas buruh di peringkat antarabangsa ini adalah amalan semangat persaudaraan Islam yang membolehkan mobiliti sempurna buruh serta pengalihan semula sumber-sumber dan manfaat ekonomi.

Persaudaraan Islam adalah konsep unggul yang dalam praktiknya sukar dicapai kecuali mungkin pada peringkat semangatnya sahaja. Hal ini memang turut diakui SKAG (SKAG 2001: 7). Namun, jika pun wujud persaudaraan Islam, mobiliti buruh tidaklah sempurna terutama di peringkat antarabangsa. Faktor-faktor seperti kos yang berkait dengan migrasi buruh, perbezaan budaya dan bahasa serta masalah-masalah berkait dengan geo-politik boleh menghalang perpindahan buruh dari satu negara ke satu negara lain. Faktor lain yang mungkin lebih kritikal adalah keperluan kemahiran. Negara yang kurang buruh lazimnya memerlukan buruh mahir tetapi yang boleh ditawarkan oleh negara lebih buruh adalah buruh kurang mahir.

Kesimpulan SKAG bahawa masalah lebih buruh tidak mungkin berlaku di negara yang mengamalkan sistem ekonomi Islam agak sukar untuk diterima. Lebih buruh boleh berlaku baik di peringkat sektor dalam sesebuah negara atau di sebuah negara dari semasa ke semasa. Dengan menganggap lebih buruh bukan masalah sebagaimana pandangan ahli tasawuf (SKAG 2001: 7), bererti kita mengabaikan usaha mencari pendekatan Islam yang praktikal untuk menangani masalah tersebut. Dalam konteks ini, kita patut bersetuju dengan pandangan Faisal M. Rahman (1977) yang menyatakan negara Islam umumnya berhadapan dengan masalah penduduk dan buruh dari segi kualiti dan kuantiti. Apa yang kelihatan di beberapa negara ini adalah wujudnya lebih penduduk dari segi kuantiti tetapi terdapat kekurangan dari segi kualiti.

BURUH DAN UPAH

Struktur hak milik terhadap buruh dan bentuk institusi yang mengatur penggunaan buruh dan penentuan upah adalah antara unsur utama yang membezakan sistem ekonomi. Dalam aspek penentuan upah, SKAG membuat satu kesimpulan yang besar implikasinya terhadap sistem ekonomi Islam. Mereka mendakwa:

Penentuan upah dalam Islam walaupun ia bergantung kepada kualitasnya seperti aspek fizikal, kemahiran, latihan dan mentalnya, namun di sana ada pertimbangan lain iaitu aspek keperluan buruh tersebut bagi menampung perbelanjaan diri dan keluarganya. (SKAG 2001:11)

Dua implikasi penting yang timbul jika benarlah dakwaan ini adalah:

1. Prinsip penentuan upah dalam Islam amat berbeza sekali daripada sistem ekonomi kapitalis tetapi lebih hampir kepada sistem ekonomi sosialis, dan
2. Mekanisma penentuan upah dalam Islam tidak bergantung kepada institusi pasaran.

Berikut kita perbincangkan tafsiran SKAG tentang prinsip dan mekanisma penentuan upah menurut pandangan Islam.

KONSEP PENAWARAN BURUH

Perbincangan SKAG tentang penawaran buruh adalah berdasarkan takrifan Afzal-al-Rahman (1974). Penawaran buruh ditentukan oleh tiga faktor iaitu kecekapan buruh, mobiliti dan saiz penduduk. Di sini, kecekapan buruh merujuk kepada kesihatan fizikal dan mental, dan tingkat pelajaran dan latihan yang menyumbang kepada kebolehan bekerja (SKAG 2001: 8). Dalam konteks ilmu ekonomi konvensional, perkara yang dirujuk sebagai kecekapan buruh ini adalah sebenarnya faktor yang mempengaruhi daya keluaran atau produktiviti buruh. Justeru dalam pengertian konvensional, penawaran buruh menurut SKAG adalah bergantung kepada produktiviti buruh.

Bahawa penawaran buruh bergantung kepada kecekapan (maksud produktiviti) agak sukar dijelaskan. Memang benar faktor-faktor seperti kesihatan, pelajaran dan kemahiran boleh meningkatkan produktiviti buruh tetapi tidak menjelaskan kuantiti buruh yang ditawarkan. Harus diingatkan bahawa penawaran buruh merujuk kepada kuantiti buruh iaitu masa kerja yang sanggup dibekalkan seseorang pada sesuatu tingkat upah tertentu. Maka apakah buruh yang tinggi pelajaran dan kemahiran, dan oleh itu produktiviti akan lebih bersedia menawarkan lebih masa kerja pada sesuatu tingkat upah tertentu. Daripada penjelasan SKAG, kelihatan itulah yang akan terjadi. Tetapi apa yang sering dilihat adalah semakin tinggi pelajaran dan kemahiran seseorang semakin

keberatan beliau menerima pekerjaan pada upah yang rendah – dan ini menandakan penawaran buruh semakin berkurang.

Dalam ilmu ekonomi konvensional, produktiviti buruh mempengaruhi permintaan. Semakin tinggi daya fizikal dan mental yang boleh disumbangkan kepada proses pengeluaran semakin tinggilah permintaan; dan sebaliknya. Malangnya dalam skema penentuan upah Islam mengikut tafsiran SKAG, istilah permintaan buruh tidak wujud, atau sekurang-kurangnya dianggap tidak relevan dalam penentuan upah. Bagi SKAG, firma atau majikan iaitu peminta buruh hanya memainkan peranan pasif dalam hal-hal menentukan upah.

Dalam membincangkan faktor-faktor penentu penawaran buruh, SKAG mengabaikan peranan upah. Apakah ini secara tidak sengaja atau apakah memang SKAG berpendapat bahawa mengikut Islam penawaran buruh tidak bergantung kepada upah? Dalam perkataan lain, apakah Islam mengkehendaki para pekerja mengabaikan upah semasa membuat keputusan menawarkan tenaga buruhnya?

PENENTUAN UPAH

Upah perlu ditentukan secara adil dan tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Menurut SKAG, kadar upah buruh yang adil adalah yang setimpal dengan bidang kerja (SKAG 2001: 8), bergantung kepada kualiti buruh yang merangkumi aspek fizikal, kemahiran latihan dan mentalnya (SKAG 2001: 11) dan seboleh-bolehnya melebihi kadar keperluan menampung perbelanjaan diri dan ahli keluarganya (SKAG 2001: 8-9). Justeru, pada pandangan SKAG, Islam menggariskan dua prinsip utama tentang upah. Pertama, upah perlu setimpal dengan kualiti kerja dan kedua, upah perlu melebihi tahap minimum keperluan asas seseorang.

Sebelum diteruskan perbincangan elok dinyatakan bahawa prinsip penentuan upah tersebut kelihatan serupa dengan satu bentuk sosialisme yang prinsip peruntukan sumber dan manfaat ekonomi adalah mengikut kerja dan keperluan (Jomo 1996: XV).

Bagi SKAG, hujah bahawa Islam menuntut supaya upah perlu setimpal dengan kualiti kerja adalah berdasarkan maksud beberapa ayat al-Quran:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih daripada sebahagian lain... (Surah al-Nisa' 4: 32)

...Jika mereka menyusukan (anak-anak) untukmu maka berikanlah kepada mereka upahnya dan musyawarahlah antara kamu dengan ma'ruf (baik). (Surah al-Talaq 65: 6)

...Sesiapa (antara pemeliharaan anak yatim itu) mampu, maka hendaklah ia menahan diri (daripada memakan harta anak yatim itu) dan sesiapa yang miskin, maka bolehlah ia memakan harta itu sekadar yang patut (ma'ruf)... (Surah al-Nisa' 4: 6).

Adalah kurang jelas bahawa maksud ayat-ayat itu yang membolehkan kita menyokong bahawa Islam menghendaki upah dibayar mengikut bidang kerja dan kualiti buruh. Surah al-Nisa' 4: 32 boleh memberi maksud yang Islam membenarkan upah berbeza-beza antara pekerja tetapi tidak menjelaskan apakah asas perbezaan itu. Lagipun, ayat ini tidak secara khusus memerihalkan upah tetapi lebih kepada memberi penjelasan perbezaan rezeki dan kurniaan Allah kepada hambaNya. Surah al-Nisa' 4: 6 tidak berkenaan pekerjaan yang dibayar upah. Ayat ini memberi panduan tentang hak-hak kepada pemegang amanah harta anak yatim, bukan khusus tentang ganjaran kepada pekerja. Lagipun, tiada kenyataan yang boleh diambil daripada ayat ini yang menjelaskan perkaitan upah dengan kualiti kerja. Lagipun, jika ayat ini dijadikan hujah bahawa terdapat perkaitan antara upah dan kualiti kerja maka kita akan berhadapan dengan implikasi yang sangat ganjil. Khususnya, hujah SKAG memberi implikasi bahawa pemegang amanah yang miskin lebih berkualiti dalam pengurusan harta kerana mereka layak mendapat 'upah yang lebih tinggi' berbanding golongan yang tidak miskin.

Maksud ayat 6 Surah al-Talaq juga tidak menggambarkan upah perlu dikaitkan dengan kualiti kerja. Apa yang dijelaskan dalam ayat ini adalah upah perlu ditentukan secara musyawarah dengan baik antara kedua pihak, majikan dan pekerja.

Jadi, tiadapun bukti kukuh yang dikemukakan oleh SKAG yang menyokong dakwaan bahawa Islam menghendaki supaya upah setimpal dengan bidang kerja dan kualiti buruh. Prinsip penentuan upah berdasarkan kualiti kerja malah mungkin tidak selari dengan tuntutan Islam.

Jika diteliti Surah al-Talaq ayat 6 itu maka boleh difahami bahawa upah seharusnya ditentu secara musyawarah antara majikan dan pekerja. Musyawarah dalam konteks ini boleh ditafsirkan sebagai proses perbincangan atau tawar menawar untuk menentukan kadar upah yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak, majikan dan pekerja. Ayat ini ditujukan khas kepada penentuan upah bagi kerja penyusuan bayi, namun konsep musyawarah dalam Islam adalah bersifat umum. Oleh itu satu prinsip umum penentuan upah boleh diperoleh daripada maksud ayat tersebut. Justeru penulis berpendapat bahawa prinsip musyawarah yang melibatkan proses tawar menawar secara baik antara majikan dan pekerja dalam menentukan upah adalah lebih sesuai dan adil seperti yang dituntut oleh Islam.

Sekarang perhatikan konsep pasaran buruh. Pasaran buruh boleh difahami sebagai satu susun atur yang melibatkan sama ada kontrak secara formal atau perjanjian tak formal yang dengannya pembeli (majikan) dan penjual (pekerja) khidmat buruh sama-sama bersetuju tentang terma kerja (iaitu termasuk gaji dan pampasan, faedah sampingan, jumlah jam dan syarat-syarat lain bersabit dengan pekerjaan itu). Dalam perkataan lain, pasaran buruh adalah mekanisme yang menterjemahkan proses tawar menawar majikan dan pekerja dalam menentukan upah dan syarat-syarat kerja yang dipersetujui bersama.

Ternyata bahawa prinsip musyawarah dalam penentuan upah adalah konsisten dengan konsep dan mekanisme pasar. Justeru prinsip ini boleh dilaksanakan dalam sistem ekonomi Islam dengan terbentuknya institusi pasaran, khususnya pasaran buruh.

Dalam mengemukakan pandangan bahawa upah perlu setimpal dengan bidang kerja dan kualiti buruh, SKAG tidak menggariskan mekanisme atau institusi tertentu yang perlu untuk merealisasikan prinsip tersebut. Bagaimanapun, tidak sukar untuk menjelaskan bahawa prinsip ini kurang sesuai dengan mekanisme pasaran. Ini kerana proses tawar-menawar dalam menentukan upah bukan hanya dipengaruhi oleh kualiti buruh yang ditawarkan tetapi juga oleh permintaan majikan terhadap kualiti tersebut. Sehingga nilai pasaran sesuatu kualiti buruh mungkin tidak sama dengan nilai sebenarnya. Contoh mudah adalah apabila upah pekerja siswazah pada tempoh-tempoh tertentu lebih rendah daripada mekanik sementara kadar upah sejam penyanyi jauh lebih tinggi daripada seorang doktor kerajaan. Untuk merealisasikan sepenuhnya prinsip upah yang setimpal dengan bidang kerja dan kualiti buruh, satu bentuk perancangan pusat diperlukan. Hanya agensi pusat yang mempunyai kewibawaan untuk memberi nilai kepada setiap atribut yang menentukan kualiti buruh mengikut bidang pekerjaan dan menguatkuasakan pembayaran upah terhadapnya.

Prinsip kedua penentuan upah adalah upah seharusnya melebihi kadar keperluan asas kehidupan seseorang. SKAG memetik hujah Ahmad Muhammad al-Assal dan Fathi Ahmad Abdul Karim (1981) yang mentafsir maksud ayat 6 Surah al-Nisa' untuk menyokongnya. Bagi saya, hujah yang lebih kukuh boleh diambil daripada maksud al-Hadith riwayat Abu Daud (sila lihat SKAG 2001: 10-11).

Menurut SKAG (2001: 11), prinsip ini tidak terdapat dalam sistem ekonomi konvensional dan mungkin ada yang berpandangan prinsip ini tidak sesuai dilaksanakan dalam sistem ekonomi pasaran. Dakwaan dan pandangan ini adalah tidak benar. Di negara Amerika Syarikat iaitu satu negara dengan sistem ekonomi pasaran, prinsip ini diamalkan dalam bentuk pengenaan dasar upah minimum, manakala di beberapa negara lain di Eropah, kaedah bayaran pindahan digunakan untuk mengambilkira keperluan asas pekerja dan penduduknya. Apakah bentuk pelaksanaan prinsip ini dalam sistem ekonomi Islam masih memerlukan perincian.

KESIMPULAN

Ilmu ekonomi konvensional menganggap buruh sebagai satu sumber milik manusia. Buruh bukan bermaksud pekerja tetapi daya fizikal dan mentalnya yang disumbangkan kepada proses pengeluaran. Dengan konsep ini buruh dianggap satu faktor pengeluaran tanpa menimbulkan implikasi bahawa pekerja

adalah hamba kepada manusia lain. Berdasarkan konsep ini juga kita boleh menakrifkan lebih penduduk dan lebih buruh sebagai dua konsep yang berbeza. Mengikut Islam Allah S.W.T. yang memberi dan menetapkan rezeki seseorang. Akan tetapi penetapan rezeki bukan bererti bahawa masalah lebih penduduk dan lebih buruh tidak mungkin wujud di negara yang mengamalkan sistem ekonomi Islam. Ini kerana rezeki yang ditentukan tidak semestinya mencukupi untuk keperluan asas. Lebih penduduk boleh wujud apabila sebahagian penduduk menerima rezeki kurang daripada keperluan asas mereka. Mobiliti buruh pada praktiknya adalah tidak sempurna. Oleh itu masalah lebih buruh boleh wujud di peringkat sektor atau negara walaupun wujud semangat persaudaraan Islam.

Rencana ini juga membincangkan penentuan upah dalam Islam. Adalah didapati bahawa dakwaan yang Islam menuntut supaya upah dibayar setimpal dengan bidang kerja atau kualiti buruh tidak mempunyai sokongan yang kukuh. Malah Islam lebih cenderung menerima prinsip musyawarah antara majikan dan pekerja dalam menentukan upah. Prinsip ini boleh difahamkan sebagai proses tawar-menawar dalam pasaran buruh. Berdasarkan prinsip ini, kaedah penentuan upah dalam Islam boleh berasaskan mekanisme atau institusi pasar. Satu lagi prinsip iaitu upah perlu mencukupi keperluan asas, didapati konsisten dan boleh dilaksanakan secara integrasi dalam sistem pasaran buruh.

RUJUKAN

- Abu Sulaiman, Abdul Hamid Ahmad. 1960. *Economic Theory of Islam: The Philosophy and Contemporary Means*. Kaherah: Dar Misr lil Tiba'ah.
- Ahmad Muhammad al-Assal dan Fathi Ahmad Abdul Karim. 1981. *Sistem Ekonomi Islam: Prinsip-prinsip dan Tujuan-tujuannya*. Terjemahan oleh Abu Ahmad dan Anshori Umar Sitanggal, Singapura: Al-Haramain.
- Ali Muhammad Jarisyah dan Muhammad Syariaf al-Zaibaq. 1981. *Problem Umat Islam*. Terjemahan oleh Jamaluddin Kafie, Singapura: Al-Haramain.
- Baqir al-Sadr, Muhammad. 1968. *Iqtisaduna*. Beirut: Dar al-fikr.
- Faisal M. Rahman. 1977. Population Problems and Policy in Muslim Countries. Dalam *Outlines of Islamic Economics*, Proceedings of the First Symposium on the Economics of Islam in North America, Indiana.
- Jomo K. S. 1996. *Alternatif Ekonomi Islam: Perspektif Kritis dan Haluan Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad H. Hourami. 1977. Population Problems in the Muslim World. Dalam *Outlines of Islamic Economics*, Proceedings of the First Symposium on the Economics of Islam in North America, Indiana.

Surtahman Kastin Hassan dan Abd. Ghafar Ismail. 2001. *Tenaga Buruh dan Upah dalam Islam. Islamiyyat 22: 3–12.*

Todaro M. P. 1997. *Economic Development*. Edisi 6. London dan New York: Longman.

Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
mansorj@pkrisc.cc.ukm.my
norghani@pkrisc.cc.ukm.my